

Untuk benar-benar mengutamakan Bumiputera

Rizab Melayu

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Undang-undang "kaji"

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memperketat lagi undang-undang Tanah Simpanan Melayu supaya ia benar-benar mengutamakan Bumiputera, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pemangku Perdana Menteri juga mengumumkan kemungkinan Perlembagaan dan Kanun Tanah Negara dipinda untuk memelihara milik tanah terencil dan rumah pangsa.

Katanya, Peguam Negara akan mengkaji undang-undang untuk menyokot pemindahan milik, kerana ini akan menjejaskan rakyat berpendapatan rendah. Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian selepas pengengerukan perundangan ke-33 Majlis Tanah Negara, di Bangunan Parlimen, Turis hari ini. Menteri Boar dan Ketua-ketua Menteri.

Pemangku Perdana Menteri berkata, terdapat beberapa kes Rizab Melayu dijual kepada institusi yang majoriti ekuitinya dipegang oleh Bumiputera, di samping ada pula tanah simpanan Melayu ditidami oleh bukan Melayu.

"Kerajaan akan meneliti sama ada perbuatan seumpama ini boleh dibenarkan, selain mengaji kesan-kesan perbuatan itu," tegas beliau.

Katanya, infiran baru akan dibuat terhadap siapa yang layak dikemali sebagai orang Melayu atau syarikat-syarikat yang milik ekuitinya dipunyai oleh orang Melayu.

Katanya, undang-undang sekarang mungkin menjejaskan kepentingan Bumiputera jika ketentuan tidak dibuat terhadap infiran itu, terutama sekali apabila hak milik orang Melayu menjadi syarikat.

Menurut beliau, Majlis Tanah Negara mend cadangkan pindaan perlembagaan dibuat dan ini akan dikaji oleh Peguam Negara, untuk mewujudkan peruntukan-peruntukan yang tidak ada ketika digubal oleh Kerajaan British sebelum merdeka.

"Soal cagarana juga perlu dikaji kerana ia jika tidak diambil kira akan merugikan orang Melayu dari segi membuat perjanjian," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menaerangkan, turat akan dikaji ialah hak milik tanah terencil kepunyaan rakyat tidak bertukar tangan, harganya meningkat apabila diambil untuk projek kerajaan.

Tegas beliau, melalui pindaan Perlembagaan diharap pemilik tanah yang kurang mampu itu mendapat faedah apabila kerajaan mengambil-alih hak milik itu untuk projek kerajaan ketika bergaya meningkat.

Katanya, adalah penting peruntukan undang-undang diadakan bagi menyokot penjualan tanah terencil itu, supaya miliknya masih kekal dipegang oleh golongan rakyat berpendapatan rendah apabila diambil-alih untuk projek kerajaan ketika milainya meningkat.

Mengenal rumah pangsa, Pemangku Perdana Menteri menjelaskan.

Pembeli rumah pangsa diberi tempoh enam bulan selepas ijil keluarkan dikeluarkan, untuk membuat Bidas Pendaftaran sendiri — bagi mengambil-alih urusan pendaftaran dari pemaaju rumah pangsa itu. Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika mereka gagal berbuat demikian, Majlis Tempatan akan mengambil-alih pendaftaran.

"Langkah ini semata-mata menjaga kepentingan pembeli-pembeli supaya pemaaju rumah pangsa itu tidak membuat cagarana dari 'title' bangunan itu," katanya.

Langkah ini juga, katanya, bagi mempastikan pemilik rumah pangsa mendapat faedah jika bangunan yang didiami itu hendak dirobohkan dan dibina rumah lebih tinggi lagi.

"Dalam amalan sekarang, pembeli rumah menbiarkan sahaja pemaaju perumahan menadirikan bangunan tersebut.

"Ini akan memberi peluang kepada pemaaju berkenaan mencaerkan 'title' atau sebagainya terhadap rumah pangsa itu," katanya.

Selain dari itu, masyuarat juga membincangkan Akta Taman Negara dengan penekanan tertumpu untuk memelihara binatang buas yang kian pupus sama sekali.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, memandangkan hutan-hutan belantara banyak ditebang, maka kerajaan mahu menympin sebahagian hutan itu dijadikan Taman Negara.

No. 117
No. 117
11,504